

Huayue Tuan di Malaysia: Adaptasi untuk Kelangsungan¹

TAN SOOI BENG

Kaum Cina di Malaysia membentuk hampir 28.1% daripada populasi Malaysia, peratusan yang tertinggi di lingkungan negara-negara Asia tanpa mengambil kira negara China, Hong Kong, Singapura dan Taiwan (Jabatan Perangkaan, Malaysia: 1993).


Kewujudan pelbagai seni pentas tradisi Cina itu mencerminkan masyarakatnya yang terdiri daripada banyak kumpulan sosial yang mempunyai cita rasa yang unik dan tersendiri. Seni pentas meliputi seni bangsawan Cina dan gubahan muzik kumpulan genderang yang dipersembahkan sebagai penghormatan kepada dewa dan dewi tradisional Cina. Kumpulan koir, pancaragam angkatan tentera dan harmonika, kumpulan tarian dan drama serta orkestra yang bercirikan Barat dan Cina itu adalah sebahagian daripada hiburan yang terdapat di China. Tarian singa Cina adalah tarian yang dipersembahkan sempena pelbagai upacara perniagaan dan juga sebagai hiburan kepada tetamu. Selain tarian, beraneka jenis seni pertahanan diri juga wujud. Lagu kontemporari yang dinyanyi dalam bahasa Mandarin dan dialek daerah boleh didengar di radio dan televisyen, selain boleh diperolehi dalam bentuk cakera padat dan pita kaset. Selain bangsawan Cina, orkestra yang bercirikan Barat dan lagu kontemporari, kebanyakan kumpulan muzik diuruskan persatuan yang bersifat mandiri yang lebih besar. Misalnya, persatuan sukuan dan kelab kebudayaan amatir di sekolah Cina, persatuan murid tua, parti politik dan pertubuhan agama.

Artikel ini adalah kajian tentang perkembangan *huayue tuan* (orkestra Cina) di Malaysia. Kumpulan muzik ini juga dikenali dengan nama-nama yang berbeza-beza di negara yang mempunyai populasi kaum Cina yang banyak. Antaranya adalah: *minzu yuedai* (orkestra nasional) di China, *zhongyue tuan* (orkestra China) di Hong Kong dan *guoyue tuan* (orkestra Cina) di Taiwan. Kajian ini memberi fokus kepada sejarah, pengendalian, penganjuran, keahlian, repertoire dan masalah yang dihadapi *huayue tuan* sejak ditubuhkan di Malaysia pada tahun 1960-an. Kajian ini akan memberi pendedahan mengenai kewujudan *huayue tuan* dalam konteks budaya dan perubahan politik di Malaysia. Seperti seni pentas Cina yang lain, *huayue tuan* telah diolah semula dan disesuaikan dengan kehendak situasi tempatan.

ASAL-USUL, STRUKTUR DAN
 REPERTOIR ORKESTRA CINA DI CHINA

Huayue tuan adalah adaptasi dari orkestra Cina moden yang ditubuhkan di China pada tahun 1939 oleh pemuzik yang telah dilatih di Soviet Union dan Eropah. Golongan pemuzik ini telah dipengaruhi gaya muzik Barat dari segi keharmonian, ‘tone colour’, intonasi, dan tangga nada. Tetapi, pemain muzik ini juga ingin menghidupkan semangat nasionalisme dengan gubahannya.² Oleh yang demikian, orkestra baru yang ditubuhkan itu telah menggabungkan ciri muzik dari kedua-dua aliran, Cina dan Barat. Dengan pembentukan China sebagai People’s Republic pada tahun 1949, orkestra moden Cina telah dimajukan dan dinobatkan kerajaan China sebagai muzik kebangsaan.

Orkestra Cina dibahagikan kepada empat bahagian: alat bertali-busur (bahagian trebel: *erhu, banhu, gaohu*; bahagian tenor: *zhonghu*; bahagian bass: *gehu, beida gehu*, cello dan double bass); alat memetik tali (*pipa, yueqin, liuqin, ruan, sanxian, guzheng, yangqin*); peralatan tiupan (*dizi, xiao, sheng, suona*); dan alat gendang (*gu* (gendang), *luo* (gong), *shimian luo* (sepuluh gong kecil), *ling* (loceng), *maling* (loceng kuda), *shuangyin mu, bangzi, muyu*). Alat muzik yang digunakan itu mungkin akan berlainan bergantung pada adanya pemain muzik atau peralatan muzik (Tan 1983: 18-34). Pengaruh muzik Barat jelas kelihatan dalam pembahagian orkestra Cina kepada empat seksyen, dengan bahagian alat tali-busur sebagai seksyen yang terbesar. Pengaruh Barat ini juga jelas dilihat dengan adanya seorang konduktor mengepaloi orkestra tersebut dan dalam susun-atur pemain muzik. Seperti dalam orkestra Barat, alat tali-busur ditempatkan di bahagian kiri, alat bass di kanan, alat tiupan di hadapan konduktor, dan alat gendang di belakang pentas (Rajah 1).



RAJAH 1. Susun atur *Huayue Tuan*

Tetapi, alat muzik Barat digantikan dengan alat muzik tradisional Cina. Misalnya, “the *nanhu* I [are used] as the first violins of the Western orchestra, *nanhu* II as the second violins, *zhonghu* as the violas, *dahu* as the violoncellos, *dihu* as the contrabasses, *yangqin* as the piano, *llhole xindi* as the flute, *xiao* as the clarinet, *bangdi* as the piccolo, *haidi* as the oboe, large *guan* as the trombone, *suona* as the trumpet, *muqin* as the xylophone, *dagu* as the timpani, *xiaogu* as the little [snare] drum, *diaobo* as the cymbals, and *pengling* as the triangle” (Han 1979: 16).

Pada pertengahan tahun 1930-an, satu pergerakan yang cenderung untuk menambah baik permainan alat muzik Cina telah muncul. Reka bentuk alat muzik itu diubah suai untuk menambah jarak dan kekuatan bunyi dan untuk menyesuaikan ciri-ciri Barat ke dalamnya (Han 1979: 18-19). Pada pertengahan tahun 1960-an, peralatan orkestra telah pun ditetapkan. Rekod dan pita yang mengandungi gubahan muzik yang baru juga diedarkan ke negara yang mempunyai penduduk Cina yang tinggi.

Repertoir orkestra Cina terdiri daripada gubahan tradisional yang dimainkan secara *heterophony* oleh seluruh orkestra, seperti dalam *difang yinyue* (muzik daerah) (contohnya *Crazy Dance of the Golden Snake*), lagu rakyat dan gubahan lagu baru yang dimainkan secara *triadic harmony* (contohnya *Dance of the Yao People*), dan konserto kecil dengan seorang pemain solo bermain dengan orkestra (contohnya “A New Song of the Herdsmen” untuk *dizi* dan orkestra). Gubahan lagu yang lain, termasuk gubahan solo untuk alat muzik *guzheng*, *dan erhu*, *dizi*, *suona*, yang selalunya diiringi alat muzik piano atau *yangqin*; dan gubahan lagu untuk alat muzik bertali kecil atau kumpulan muzik alat genderang (kadang-kala diiringi nyanyian, tarian dan korus) (Han 1979: 20-21).

Repertoir *huayue tuan* boleh dikaitkan dengan tiga peringkat dalam politik komunis di China. Di peringkat pertama (1949-1964), kebanyakan gubahan muzik adalah adaptasi dari repertoir kumpulan muzik daerah. Cara permainan berulang-ulang (*theme*) dan bervariasi adalah cara yang popular di peringkat itu dengan muzik golongan minoriti digabungkan. Di peringkat kedua (1965-1978) yang lebih dikenali sebagai zaman *Cultural Revolution*, sebilangan besar pengamalan seni telah diharamkan dan dimusnahkan. Namun, lagu revolusi (*geming gequ*) diubah suai dan diguna pakai untuk orkestra Cina. Peringkat yang terkini (1979-1990an) pula telah dikaitkan dengan liberalisme budaya dan suasana politik yang lebih stabil. Muzik baru yang menggunakan teknik inovatif dan prinsip gubahan eksperimental telah dicipta. Ciri-ciri dari golongan minoriti di China dan negara lain juga telah digabungkan (Lau 1996a: 141).

HUAYUE TUAN DI MALAYSIA

Bagaimana *huayue tuan* bermula di Malaysia? Menurut Khaw Guan Liang, penasihat dan konduktor koir kepada Chinese Orchestra, Penang Philharmonic Society di Pulau Pinang, perkembangannya boleh dikesan bermula pada akhir

abad ke-19. Khaw mengatakan pendatang Cina masa itu sering berkumpul secara spontan untuk mengimprovisasi lagu bangsawan dan lagu rakyat Teochew, Hokkien dan Kantonis, yang berasal dari daerah di tempat mereka. Dikenali sebagai *difang yinyue* (muzik daerah), kumpulan muzik ini biasanya terdiri daripada pemain biola, pemain kecapi, pemain pelbagai jenis seruling, pemain organ tiupan, dan pemain alat genderang. Walaupun kumpulan ini tidak mempunyai konduktor, pemain biola biasanya akan mengetuai lagu yang dimainkan. Khaw menjelaskan tidak ada nota lagu digunakan; sebaliknya semua lagu yang dimainkan itu telah diimprovisasi.

Lee Soo Sheng, naib presiden Persatuan Keat Hwa dan konduktor di Dejjiao Hui Chinese Orchestra, Alor Star, berkata kumpulan pemain muzik ini adalah sebahagian daripada aktiviti yang dianjurkan dan disokong institusi sosial seperti pertubuhan daerah dan pertubuhan suku yang menjaga keperluan pendatang kaum Cina masa itu. Selain muzik instrumental, Lee menyatakan pertubuhan itu juga menggalakkan aktiviti seperti nyanyian, tarian, drama, seni pertahanan diri, tarian singa, seni perubatan Cina, tarian rakyat, dan bangsawan. Tahun demi tahun lebih banyak kelab muzik amatur telah ditubuhkan. Pada tahun 1930-an, sekolah dan persatuan murid tua, pertubuhan politik dan kumpulan agama telah mula menubuhkan kumpulan muzik persendirian. *Straits Echo* (16 March 1935) melaporkan latihan muzik kerap diadakan di Penang Chinese Ladies Chin Woo Association, Toi Sun Union, dan kelab-kelab lain. Dengan ini, lama-kelamaan, taraf persembahannya telah dipertingkatkan. Sementara itu, sekitar tahun 1930-an, ada beberapa kumpulan pemain muzik seperti Hu Yew Seah Orchestra telah dijemput untuk membuat persembahan bagi konsert rakaman secara langsung di stesen radio persendirian (*Straits Echo* 13 Nov. 1936).

Pada tahun 1960-an, persatuan Cina yang pada awal kemunculannya telah mempersembahkan *difang yinyue* itu mula menambah alat-alat muzik baru ke dalam rutin mereka dan memanggil kumpulan itu sebagai *huayue tuan*. Untuk kali pertamanya, mereka bermain dari repertoire orkestra moden Cina dengan menggunakan nota muzik yang diimport dari China dan Hong Kong. Dejjiao Hui di Alor Star telah menubuhkan *huayue tuan* pada tahun 1964, Penang Philharmonic Society pada tahun 1971, dan Jit Sin Secondary School Chinese Musical Instrument Society pada tahun 1968. Perubahan ini berlaku disebabkan pemain muzik Malaysia Cina yang telah menyambung pelajaran di Hong Kong³ itu dipengaruhi gubahan baru orkestra Cina moden, selain perkembangan baru muzik di negara itu. Mereka telah membawa banyak nota muzik bila pulang ke Malaysia. Pemain muzik tempatan Malaysia juga diperkenalkan kepada pita dan rakaman muzik yang mengandungi muzik dari orkestra moden profesional dari China. Menurut Lee, pada tahun 1970-an, muzik *huayue tuan* telah tersebar kepada orang Cina. Ahli-ahli persatuannya juga mula menubuhkan kumpulan muzik selepas menamatkan persekolahan dan bekerja di tempat lain di seluruh negara. Khaw menambah, pada tahun 1970-an, alat-alat muzik baru dan yang lebih canggih telah diimport dari Hong Kong. Bunyi yang baru, lebih kuat dan padat seperti

yang kedengaran dalam rakaman dan pita dari China dan Hong Kong itu telah boleh direalisasikan kumpulan tempatan. Semua ini menjadi perkembangan yang menyeronokkan dan berjaya menarik minat ramai orang Cina untuk menjadi ahli orkestra itu.

PROSES INISIASI

Siapakah ahli *huayue tuan* dan apakah proses yang mereka lalui untuk menjadi sebahagian kumpulannya? Kisah yang akan dipaparkan ini diambil dari 'proses inisiasi' peribadi saya yang mungkin akan memberi jawapan kepada kedua-dua persoalan di atas.

Saya menjadi ahli Chinese Orchestra Penang Philharmonic Society pada tahun 1980-an. Persatuan ini terdiri daripada tiga bahagian: Koir, orkestra Barat dan orkestra Cina. Saya telah diajar dan dilatih oleh sepasang adik-beradik perempuan yang telah bertahun-tahun aktif dalam bidang orkestra: Kooi, yang bekerja sebagai kerani di sebuah persatuan murid tua di Pulau Pinang, dan seorang suri rumah tangga, Siow. Merekalah penyebab utama saya diperkenalkan kepada dunia *huayue tuan* yang juga dikenali sebagai orkestra Cina.

Seminggu sekali saya akan berkunjung bersama-sama dengan remaja yang dididik dalam bahasa Cina ke tingkat dua bangunan persatuan itu untuk belajar dari ahli-ahli yang jauh lebih mahir dan berpengalaman. Bilangan ahli yang datang ke sesi latihan itu biasanya adalah dua puluh orang, terdiri khususnya daripada kanak-kanak sekolah yang berumur antara dua belas dan dua puluh tahun. Setiap ahli akan memilih satu alat muzik yang digemarinya. Sesi belajar juga adalah masa untuk ahli baru memahami persatuan itu – perkembangan, matlamat dan masalah – daripada ahli yang lain. Bagi saya, itulah masa yang sesuai untuk memahirkan bahasa Mandarin yang digunakan untuk berkomunikasi sesama ahli. Pilihan alat muzik saya ialah *erhu*. Pada siang hari, guru saya bekerja sebagai juru jual di sebuah kedai ubat Cina dan pada sebelah malam dan hari minggu, dia menunjukkan cinta dan minatnya yang mendalam terhadap muzik Cina. Walaupun hanya bertemu sekali seminggu, saya diberi lagu untuk berlatih setiap hari di rumah.

Selepas menjalani latihan sebulan, saya diberi peluang untuk menyertai orkestra sebenar yang berlatih setiap petang Ahad. Bila tiba di bangunan persatuan itu pada pukul 4 petang Ahad itu, saya dapati banyak motosikal dan basikal telah diletakkan di sekeliling kawasan bangunan itu. Bunyi daripada pelbagai alat muzik kedengaran di tingkat bawah. Bila sampai di anak tangga yang teratas, kedua-dua beradik itu memperkenalkan saya kepada pemain muzik lain yang sedang sibuk mengambil alat muzik mereka dari stor. Ada juga sedang menala alat muzik dan berbual sesama sendiri. Lebih kurang empat puluh pemain muzik hadir pada hari itu dan saya ditempatkan bersebelahan seorang lagi pemain *erhu*; seorang wanita juru jual di sebuah pasar raya; dan seorang pemukul gendang wanita yang bekerja sebagai pembantu am stesen minyak tempatan.

Kedua-dua mereka sangat ramah dan membuat saya berasa selesa walaupun berada di kalangan orang yang kurang saya kenali. Pada hari itu, konduktor kumpulan itu yang bekerja di sebuah restoran menjual bubur, telah membawa beberapa buah lagu yang digubahnya sendiri. Kami diberitahu bahawa gubahan lagu konduktor itu yang bertajuk “Malay Ronggeng” dan “Japanese Song” akan kami persembahkan di sebuah konsert beberapa minggu nanti.

Masa itu saya bimbang akan membuat banyak kesilapan kerana belum pernah memainkan muzik itu. Setelah latihan bermula, saya dapati pemain muzik yang lain juga membuat banyak kesilapan, maka latihan itu terpaksa berhenti beberapa bar agar setiap nota dapat dimainkan dengan betul. Rupa-rupanya pemuzik masih melakukan banyak kesilapan kerana belum pernah memainkan muzik gubahan konduktor itu sebelum ini. Kami terpaksa memainkan muzik itu berulang-ulang sebelum setiap bahagian dapat dimainkan dengan betul. Pada jam 5 petang, kami berehat dan menikmati teh Cina bersama-sama. Masa itu, ramai pemain muzik yang lain menghampiri saya untuk berkenalan. Soalan seperti “di mana saya bersekolah”, “di mana saya tinggal”, “di mana saya bekerja”, “apa pekerjaan saya”, dan “bagaimana dan mengapa saya menyertai persatuan ini” telah diajukan kepada saya. Kebanyakan mereka terkejut dan berasa teruja bila mendapati pensyarah universiti begitu berminat untuk bermain dalam orkestra Cina yang kebanyakan ahlinya terdiri daripada golongan pekerja kasar dan industri. Tetapi, mereka gembira dengan penglibatan pekerja profesional dalam kumpulan mereka. Latihan pada hari itu disambung sepuluh minit kemudian dan kami berlatih sehingga pukul 6 petang, sebelum tamatnya latihan pertama saya bersama orkestra sebenar persatuan itu.

Menerusi gambaran di atas jelas kelihatan proses inisiasi ke dalam *huayue tuan* adalah yang dilakukan dengan selesa, tanpa sebarang acara khusus atau adat. Selepas sebulan penyesuaian dengan alat *erhu* sahaja, saya telah dijemput untuk menyertai *huayue tuan*. Ini adalah perkara yang mustahil dalam orkestra profesional Barat, dengan kebanyakan pemain muzik itu perlu menjadi sangat mahir dalam penggunaan alat muzik sebelum diterima menjadi sebahagian daripada pemuzik orkestranya. Selain itu, keselesaan juga dirasai ketika sesi latihan *huayue tuan*, tanpa perasaan tekanan ke atas pemain muzik, walaupun konsert itu akan dipersembahkan dalam masa yang terdekat.

Perkara kedua yang menarik mengenai *huayue tuan* ialah komposisi sosial orkestranya. Seperti yang diceritakan sebelum ini, guru yang mengajar saya *erhu* di persatuan itu seorang juru jual, tetapi dialah yang mengetuai bahagian *erhu* dalam orkestra itu. Ahli-ahli utama orkestra itu terdiri daripada pembantu am stesen minyak, kerani, juru jual pasar raya, dan konduktor di sebuah restoran. Kebanyakan ahli orkestra yang lain terdiri daripada pekerja buruh dan industri. Semua pemain muzik orkestra (kecuali penyelidik) itu telah mendapat pendidikan awal di sekolah jenis Cina dan tidak menyambung pendidikan ke peringkat yang lebih tinggi. Tidak ada yang bermain muzik secara profesional sebagai mata pencarian hidup.

Jika dibandingkan dengan orkestra muzik klasik Barat yang ada di Malaysia (dan juga di Barat), *huayue tuan* adalah kumpulan muzik daripada golongan yang berpendapatan rendah. Kos keahlian tahunan hanya dari RM5 hingga RM10 (RM3.8 = US \$1 pada tahun 1999), maka adalah bayaran keahlian yang sangat rendah. Pelajarannya diberi dengan percuma dengan alat muziknya tidak mahal. Sebagai contoh, kos alat *dizi* hanya beberapa dolar Amerika. Untuk alat muzik yang lebih mahal, persatuan sendiri akan menanggung kos pembeliannya untuk digunakan ahli-ahlinya. Skor muzik dicetak dari stensil yang ditulis dengan tangan untuk menjimatkan kos, dan skor ini hanya disimpan di persatuan (lihat Rajah 2). Jika dibandingkan dengan alat muzik orkestra Barat, piano contohnya, harganya yang paling rendah di pasaran adalah sekitar RM6,000; yuran untuk kelas piano dan biola pula dalam lingkungan RM50 ke RM200 sebulan; dan kos untuk skor muzik klasik Barat juga sangat mahal kerana ia diimport dari Eropah dan Amerika Syarikat.

FUNGSI SOSIAL HUAYUE TUAN

Pada pendapat saya, persatuan muzik seperti *huayue tuan* adalah pentas untuk golongan pekerja buruh dan remaja kaum Cina untuk mendapat pendidikan bergaul, berkumpul, berekreasi, mengenali sesama sendiri yang mempunyai minat yang sama untuk bermain muzik, sekali gus mempelajari kemahiran baru. Bila ditanya matlamat dan fungsi persatuan muzik, adik beradik Kooi dan Siow sependapat bahawa ia ditubuhkan khususnya untuk mempromosikan budaya hidup yang sihat, menaikkan taraf budaya Cina secara keseluruhan dan membuka peluang kepada para ahli untuk menjalinkan perhubungan dengan lebih akrab. Mereka juga menganggap persatuan itu sebagai keluarga kedua⁴

Selain itu, Khaw Guan Liang, penasihat kepada Chinese Orchestra Philharmonic Society, berkata bahawa mereka ingin menggalakkan semua orang, terutamanya remaja yang mendapat pendidikan Cina untuk mengasah dan meningkatkan kemahiran muzik, atau bermain muzik di masa lapang agar tidak terlibat dalam aktiviti yang tidak bermanfaat, seperti penagihan dadah. Khaw juga mengulas bahawa persatuan ini telah memberi latihan kepimpinan dalam erti kata pemain yang telah mahir dengan alat muzik akan digalakkan dan diberi kepercayaan untuk mengajar pemain muzik baru.

Khaw dan Tung Gark Hong, kedua-duanya adalah pelatih vokal dari persatuan ini, berkata bahawa ahli juga perlu belajar untuk memikul tanggungjawab yang lain, seperti membantu kegiatan harian persatuan. Misalnya, sebilangan ahli persatuan itu dipertanggungjawab untuk mengendalikan orkestra dengan mengurus dan melaksanakan untuk setiap sesi latihan. Ahli yang lain, termasuk Siow, bertanggungjawab menjaga alat-alat muzik, mengurus pencetakan skor, mengendalikan konsert dan lain-lain. Ahli lain memegang jawatan pentadbiran, seperti pengerusi, setiausaha, bendahari, dan ahli jawatankuasa eksekutif. Khaw dan

Tung sependapat dan merasa sekalipun ahli itu hanya menyediakan teh untuk sesi latihan, itu juga adalah tanggungjawab.

Lee, konduktor Dejiao Hui Chinese Orchestra, juga mahu ahli-ahlinya juga berehat sama-sama, selain menjalankan aktiviti muzikal. Ini termasuk aktiviti perkelahan, perkhemahan, dan perayaan Tahun Baru setiap tahun. Dari segi itu, *huayue tuan* telah memainkan peranan sosial penting dalam hidup golongan pekerja buruh, terutamanya remaja. Ini memberi gambaran dengan lebih jelas bagaimana ia boleh bertahan sehingga ke hari ini, fakta yang akan dibincangkan dengan lebih panjang lebar nanti.

Selain itu, orkestra telah memainkan peranannya yang penting dalam masyarakat kerana tanggungjawabnya yang besar. Ini disebabkan orkestra bukan untuk hiburan sahaja, tetapi mengadakan konsert tahunan untuk mengutip wang bagi pelbagai badan kebudayaan Cina dengan aktiviti kebudayaan masing-masing di seluruh Malaysia. Contohnya ialah pada masa dahulu, wang yang dikutip semasa persembahan orkestra telah disalurkan kepada tabung membina bangunan persatuan Cina (seperti Penang Philharmonic Society dan Keat Hwa Association of Kedah). Tetapi, wang kutipan kebelakangan ini telah digunakan untuk kebajikan; di hospital Lam Wah Yee, Penang Spastic Children Association, golongan pelarian Kampuchea, dan Tun Sardon Foundation yang memberi biasiswa kepada pelajar miskin. Ini memperlihatkan persatuan muzik ini juga memberi peluang kepada remaja dari keluarga golongan pekerja buruh untuk menyumbang kepada perkembangan budaya Cina dan peningkatan taraf hidup masyarakat.

MASALAH YANG DIHADAPI *HUAYUE TUAN*

Dewasa ini, *huayue tuan* berdepan dengan banyak masalah. Yang pertama berkait rapat dengan naik dan turunnya bilangan ahli kumpulan kebudayaan itu mengikut musim. Yeow Teik, ahli Hui Yin Se di Pulau Pinang berkata bahawa remaja yang masih bersekolah akan meninggalkan kegiatannya di persatuan dalam musim peperiksaan, atau bila mereka mempunyai banyak kerja sekolah. Siow dan Kooi juga menerangkan ahli-ahli itu perlu mencari hidup sendiri, maka bila ditawarkan peluang pekerjaan yang lebih baik di bandar lain, ahli yang sangat berpengalaman itu mungkin akan berpindah. Kebanyakan pemain muzik ini akan meninggalkan kegiatannya setelah berpindah. Selain itu, konduktor yang berpengalaman dan mahir menggunakan semua alat muzik Cina sangatlah kurang. Atas sebab itulah bahagian *huayue tuan* dan *Hui Yin Se* di Pulau Pinang juga terpaksa mengimport konduktor dari Singapura sebulan sekali untuk melatih orkestra tersebut. Ia juga membawa skor dari Singapura.

Selain itu, media massa, video dan muzik pop kontemporari adalah ancaman kepada *huayue tuan* memandangkan remaja lebih cenderung kepada hiburan seperti ini berbanding dengan orkestra kebudayaan Cina. Sehubungan itu, Lee mengulas bahawa ramai orang muda lebih suka mendengar dan bermain lagu pop yang disiarkan di radio dan media massa. Mereka lebih berminat menonton

televisyen dan cerita Kantonis daripada menyertai latihan muzik. Sehingga kini (dan hanya di Pulau Pinang dengan banyaknya penduduk kaum Cina) tidak ada sokongan atau pembiayaan daripada kerajaan. Dasar Kebudayaan Kebangsaan yang digubal pada tahun 1971 menjelaskan bahawa kebudayaan kebangsaan Malaysia adalah kebudayaan yang berteraskan 1) kebudayaan peribumi negara ini, 2) elemen kebudayaan lain yang sesuai dan wajar, dan 3) Islam haruslah menjadi unsur penting dalam pembentukan kebudayaan kebangsaan (KKBS 1973: vii). Dengan penggubalan dasar tersebut, hanya sekelompok kecil seni pentas yang kebanyakan berasal dari budaya Melayu diberi bantuan dan sokongan daripada kerajaan.

EMBLEM ETNIK DAN PENGGABUNGAN TAHUN 1970-AN DAN 1980-AN

Walaupun menghadapi masalah yang telah diperkatakan tadi, *huayue tuan* masih lagi bertahan dengan sekurang-kurangnya ada sebuah kumpulan muzik Cina wujud dan bergiat aktif di setiap bandar di seluruh Malaysia. Di bandar yang besar, seperti Pulau Pinang dan Kuala Lumpur, bilangannya adalah lebih tinggi. Mengapa ini berlaku? Seperti yang telah disebut, *huayue tuan* memainkan peranan sosial yang penting dalam masyarakat. Ia membuka peluang kepada ramai remaja dari pekerja buruh dan industri untuk bercampur gaul dan berkongsi minat yang sama, mempelajari cara-cara bermain muzik tanpa dikenakan yuran yang tinggi, mendapat pengalaman dalam hal-hal berkaitan pengurusan dan pengendalian aktiviti sosial dan muzikal. Selain itu, terdapat juga kumpulan kebudayaan yang lain, seperti kumpulan tarian kebudayaan Cina dan kumpulan bangsawan, masih bertahan hingga ke hari ini kerana memainkan peranan sosial yang sama.

Pada tahun 1970-an dan 1980-an, seni pentas Cina secara am dan *huayue tuan* secara khusus mampu bertahan kerana dipandang sebagai satu emblem identiti etnik. Sejak Dasar Ekonomi Baru⁵ diperkenalkan pada tahun 1971, tahap kesedaran etnik telah meningkat. Dasar-dasar yang membatasi peluang dan hak kaum Cina dan menzahirkan keistimewaan hak kaum Melayu dan Bumiputera telah membuat kaum Cina lebih sedar akan identitinya yang berbeza. Seperti yang telah dibincangkan Tan (1988), emblem-emblem tradisi seperti *huayue tuan* dan seni pentas Cina yang lain dapat dipertahankan kerana keistimewaannya dan kepentingannya dalam masyarakat Cina⁶. Walaupun yuran tahunannya rendah, orkestra Cina dan kelab kebudayaan Cina itu dapat bertahan dengan adanya sumbangan daripada dermawan.

Seperti persembahan pentas Cina amatir yang lain, persembahan *huayue tuan* telah menjadi saluran ekspresi etnik. Penontonnya hanyalah daripada kaum Cina dengan bahasa Mandarin digunakan untuk berkomunikasi. Persembahannya selalu mendapat sambutan baik walaupun yang dipentaskan bukanlah yang 'sangat luar biasa'; pemuzik tidak berpakaian yang mahal, tetapi hanya berpakaian

harian seperti seluar hitam, skirt dan kemeja putih; dan kesilapan nota yang dimainkan pemuzik baru juga sering berlaku. Penonton yang mendapat pendidikan di sekolah jenis Cina juga tidak mengharapkan persembahan yang hebat, dan mereka hadir untuk menyokong usaha remaja Cina yang sedang memajukan satu cabang seni kebudayaan Cina. Penonton juga hadir untuk mendengar muzik Cina dan bahasa Cina sebagai tanda perpaduan, sementara dermawan akan menyumbangkan banyak wang untuk membiayai orkestra. Bagi penonton lain, pembelian tiket juga adalah sumbangan yang memberi faedah kepada projek kebajikan sosial dan tabung pembinaan hospital dan sekolah. Sumbangan sebegini akan memastikan kepentingan masyarakat Cina yang berpendapatan rendah terjaga.

Kesinambungan *huayue tuan* dan kegiatan seni pentas Cina yang lain juga kelihatan pada penghujung era 1970-an kerana penyatuan organisasi kebudayaan amaturnya Cina yang dahulunya terpisah disebabkan fahaman politik yang berbeza. Daripada tahun 1950-an sehingga permulaan era 1970-an, kelab kebudayaan ini terbahagi kepada dua kumpulan. Satunya menganggap diri mereka sebagai organisasi yang sedang memajukan 'seni untuk masyarakat' dan yang satu lagi memperjuangkan 'seni untuk seni'. Secara keseluruhannya, kumpulan yang mempertahankan 'seni untuk masyarakat' ini menggambarkan realiti sosial dengan matlamat memupuk nilai sosial dan politik dalam masyarakat. Drama tarian yang menceritakan kehidupan pekerja ladang, nelayan dan pekerja buruh seperti *The Sketch of the Pineapple Plantation* dan *The Sketch of the Fishing Villages* adalah gubahan daripada kumpulan itu. Kebanyakan drama tarian ini juga menggunakan muzik *huayue tuan*. Bagi mereka, proses mempelajari sesuatu nilai dan memberi kerjasama sesama sendiri itu lebih diutamakan daripada taraf seni persembahan. Sebaliknya, golongan yang mempertahankan 'seni untuk seni' memandang seni sebagai suatu bentuk seni artistik dan aktiviti estetik. Kumpulan ini mementingkan persembahan lagu yang mencerminkan keindahan dan kekuatan seni, muzik, dan tarian tradisi seperti *Fan Dance* atau *Red Streamers Dance* (Chua 1984)

Pada penghujung tahun 1970-an dan 1980-an, kepentingan kumpulan kebudayaan Cina dalam masyarakat telah menurun berbanding masa dahulu. Kebanyakan penggiat seni di kalangan orang yang mementingkan 'seni untuk masyarakat' mendapati ianya sukar untuk diteruskan. Bagi *huayue tuan*, keadaan menjadi lebih sukar untuk membuat persembahan. Antara sebabnya ialah permit polis sering kali hanya diluluskan sehari sebelum persembahan itu telah membuat pihak penganjur sukar mewartakan persembahan itu dengan lebih awal. Sebahagian penggiat seni dan kebudayaan dari organisasi 'seni untuk masyarakat' juga ditangkap polis pada awal tahun 1970-an kerana dituduh mempunyai hubungan politik dengan Parti Komunis yang pada ketika itu beroperasi secara sulit. Misalnya, sebahagian penghibur dari *Chinese Language Society* di Universiti Malaya dan Universiti Sains Malaysia telah ditangkap polis kerana hubungan mereka dengan Parti Komunis Malaya. Tindakan keras ini

menyebabkan sebahagian ahli kumpulan ini menyertai persatuan dan organisasi yang berlandaskan 'seni untuk seni'. Sementara itu, pengaruh politik haluan kiri mula merosot selepas peperangan Indochina. Ini dipercayai berpunca dari perkembangan di China selepas Revolusi Budaya dan pengaruh budaya video dari Hong Kong dan Taiwan ke atas generasi muda dewasa itu. Sebahagian kumpulan 'seni untuk masyarakat' juga telah ditukar menjadi persatuan 'seni untuk seni'.

Pada tahun 1970-an dan 1980-an, Dasar Kebudayaan Kebangsaan yang dilihat kumpulan kebudayaan Cina sebagai dasar asimilasi itu telah mengakibatkan lebih banyak kumpulan yang dahulunya terpisah atas faham politik yang berbeza itu bersatu semula. Pada pendapat mereka, kaum Cina terpaksa menjaga keperluan sendiri dan memajukan budayanya sendiri. Oleh kerana itu, *huayue tuan* dan kumpulan kebudayaan lain yang mempunyai pandangan politik yang berbeza itu mula bergerak ke arah matlamat yang sama: untuk menggalakkan "budaya sihat" dan bukannya "budaya kuning" untuk memajukan kebudayaan Cina dan menggalakkan hubungan persahabatan yang lebih akrab di kalangan ahli-ahlinya. Kumpulan kebudayaan ini sering berkongsi skor dan pemuzik, selain membuat persembahan gabungan. Misalnya, pada tahun 1981, Philharmonic Chinese Orchestra dan Hui Yin Se Chinese Orchestra bergabung untuk menjadi satu orkestra yang terdiri daripada 100 pemuzik dan telah mempersembahkan satu pertunjukan yang hebat. Persembahan gabungan ini memberi peluang kepada ahli orkestra dari kumpulan yang berlainan itu berinteraksi, terutamanya ketika persiapan untuk konsert giat dijalankan dengan sesi latihan diadakan hampir setiap hari.

Repertoir yang diperoleh juga menjadi lebih bervariasi dan bergema dengan gubahan dari China yang bercirikan muzik golongan minoriti seperti *Dance of the Yao People* dan *Wedding Dance of the Miao*. Untuk menarik lebih ramai peminat dan sebagai respons kepada keperluan tempatan, sebahagian kumpulan kebudayaan Cina itu mula menggabungkan elemen muzik Melayu dan India ke dalam persembahannya. Kebanyakan persembahan itu terdiri daripada tarian minoriti Cina, Melayu dan India di Malaysia yang dtunjukkan dengan diiringi muzik. Konduktor seperti Lee Soo Sheng menyusun semula lagu rakyat seperti *Tanah Air Ku* dan *Air Didik* untuk orkestra Cina, dan gubahan muzik baru menggabungkan irama tarian tempatan seperti *Malay Dance* (berdasarkan irama "ronggeng"⁷) yang telah digubah Saw Yeong Chin.

HALUAN BARU PADA TAHUN 1990-AN: PROFESIONALISME, PEMBUNGKUSAN DAN GUBAHAN BARU

Pada tahun 1990-an, persoalan mengenai kebudayaan kebangsaan telah berkurangan kontroversinya dan tidak banyak dipolitikkan jika dibandingkan dengan tahun 1970-an dan 1980-an. Pada tahun 1990-an, dasar kerajaan telah menjadi lebih terbuka terhadap bahasa, pendidikan dan kebudayaan bukan-

Melayu. Kesannya adalah lebih banyak rancangan berbahasa Cina ditayangkan di rangkaian televisyen swasta. Di stesen satelit ASTRO terdapat beberapa rangkaian untuk menayangkan siri drama dan rancangan muzikal Cina. Persembahan kebudayaan pada perayaan Hari Merdeka, kempen pelancongan Visit Malaysia dan Malaysia Festival of Arts telah menghimpunkan tarian dan muzik dari pelbagai etnik.⁸

Dengan persoalan kebudayaan kebangsaan tidak lagi menjadi tumpuan dan dasar kerajaan menjadi lebih liberal terhadap bahasa dan budaya bukan-Melayu pada tahun 1990-an, maka telah timbul keinginan baru untuk menghidupkan kembali adat resam Cina. Perasaan ini dibangkitkan semula, terutamanya oleh kaum Cina golongan kelas pertengahan yang berpendidikan Inggeris. Kebanyakan mereka dalam golongan ini adalah profesional, peniaga, dan pendidik, dan keinginan mereka adalah respons kepada pemodenan dan budaya transnasional global yang sedang mempengaruhi Malaysia ketika itu. Dengan 'kembali' ke masa dahulu dan tradisi lama, penggiat budaya dan seni di Malaysia cuba menjejaki susur galur mereka yang telah hilang, sekaligus menjadi satu langkah memperkukuhkan identitinya.

Kewujudan pusat muzik yang bersifat mandiri yang mengajar cara permainan alat muzik Cina itu telah membolehkan ibu bapa Cina yang berpendidikan Inggeris daripada kelas pertengahan dan tidak boleh bertutur atau menulis bahasa Cina itu menghantar anak mereka ke pusat itu untuk belajar bermain alat muzik Cina, seperti *guzheng*, *pipa*, *yangqin*, dan *erhu*. Dengan pengaruh daripada pemuzik profesional dari China, lebih ramai remaja juga digalakkan untuk belajar dan menjadi mahir menggunakan pelbagai alat-alat muzik Cina. Pemuzik China ini telah dibenarkan untuk membuat persembahan konsert di seluruh Malaysia pada masa kini disebabkan hubungan yang telah terjalin antara China dengan Malaysia. Konsert ini, yang bertaraf tinggi, telah menaikkan status muzik orkestra Cina dan juga telah menarik minat komuniti Cina di Malaysia.

Pada tahun 1990-an, kumpulan kebudayaan Cina (termasuk *huayue tuan*) telah menegaskan bahawa promosi dan pemeliharaan seni pentas Cina mesti diusahakan bersama-sama dengan proses menaik taraf persembahannya. Dengan menaikkan taraf persembahannya, status seni pentas Cina juga akan ditingkatkan, dengan hasilnya lebih ramai penonton akan mengunjungi persembahan, tidak kira daripada golongan kelas atasan atau pertengahan di Malaysia. Usaha untuk memajukan persembahan muzikal Cina di pusat muzik dan persatuan itu telah dibuat dengan memperkenalkan peperiksaan berkaitan alat muzik Cina di tempat tersebut. Malaysian Institute of Art yang terletak di Kuala Lumpur adalah tempat pertama di Malaysia yang memperkenalkan peperiksaan itu. Setiap tahun, pensyarah dari Xi'an Conservatory of Music di China akan memeriksa dan menguji pelajar Malaysia yang bermain *erhu*, *dizi*, *guzheng*, *yangqin* dan *pipa* di institut itu⁹. Peperiksaan itu juga digunakan untuk menentukan standard sukatan muzik dan peralatan mengajar (*Star Ogos* 6 1993). Pertandingan muzik Cina peringkat kebangsaan yang diadakan secara dwitahunan itu juga telah

menarik minat orang ramai kepada muzik Cina sekaligus menaikkan taraf permainannya.

Banyak usaha telah dibuat untuk menubuhkan kumpulan profesional. Antaranya kumpulan muzik DA MA (juga dikenali sebagai Malaysian Chinese ensemble) yang ditubuhkan Khor Seng Chew (beliau dilatih di England sebagai pemain gitar) dengan meliputi pemuzik utama dari pelbagai organisasi kebudayaan di sekitar di Kuala Lumpur pada tahun 1993. Kebanyakan pemuzik ini adalah profesional yang mengajar dan mempersembahkan muzik Cina sebagai kerja sepenuh masa. Kumpulan ini boleh bermain muzik, yang mempunyai kesukaran yang menuntut kemahiran yang tinggi, yang digubah komposer kontemporari dari China dan Hong Kong (seperti Wu Deng Tian, Chow Kwang Guo, Jiang Xian Wei, Peng Xin Wen, Kwan Naichung dan Doming Lam). Muzik yang cukup mencabar ini tidak dimainkan persatuan kebudayaan amatir lain, kerana tahap kemahiran pemuzik itu tidak sama.

Dengan adanya persembahan di lokasi alternatif, seperti restoran di hotel dengan makanan disaji semasa persembahan, DA MA juga cuba mempopularkan muzik Cina kepada golongan Cina yang berpendidikan Inggeris dan yang tidak bertutur bahasa Cina dan juga orang bukan Cina kelas atasan dan pertengahan (*Star*, 4 Mei 1994, 22 Julai 1994). Persembahan itu berbeza daripada yang dipersembahkan kumpulan amatir *huayue tuan*. Oleh kerana khalayak persembahan di hotel itu terdiri daripada pelancong, tempatan dan luar negara, yang membeli tiket yang mahal (RM 200 untuk muzik dan makanan atau RM 30-50 untuk muzik sahaja), persembahan itu telah diatur dan dilaksanakan dengan teliti. Persembahan di hotel itu adalah lebih formal dengan taraf persembahan yang tinggi seperti yang dikehendaki pemuzik profesional.

Saya pernah menyasikan persembahan yang bertajuk *Spring Kisses Lover's Tears* daripada kumpulan DA MA di Hotel Istana, Kuala Lumpur. Muzik popular dari filem lama telah dimainkan. Persembahan itu adalah satu bentuk penghormatan kepada pelakon yang terkenal, seperti Lin Dai, Li Xiang Lan, Zhou Xuan, Jing Ting, Cui Ping dan Pan Xin Qiong. Pemuziknya berkostum Cina dengan pentas diserikan dengan perabot antik Cina. Tumpuan diberi kepada butiran muzik, kedinamikan dan kualiti nada. Setiap lagi diperkenalkan seorang pengulas dalam bahasa Inggeris untuk membolehkan khalayak memahami bukan sahaja lagu yang dimainkan tetapi juga alat muzik yang digunakan. Persembahan itu berlangsung selama dua jam. Semua orang (termasuk saya) amat kagum dengan mutu persembahan dan maklumat yang disampaikan tentang muzik Cina. Cakera padat dan pita muzik yang diterbitkan DA MA itu juga boleh dibeli untuk tanda mata dan kenangan untuk dibawa pulang. Persembahan yang sama telah dipentaskan di dua puluh empat lokasi di seluruh Malaysia. Tidak seperti persembahan amatir, pratonton persembahan juga diterbitkan di akhbar bahasa Inggeris dengan rencananya boleh didapati selepas persembahan. Adalah dilaporkan bahawa persembahan itu telah membangkitkan perasaan nostalgia (*Star*, Julai 31, 4 Okt. 1998).

Untuk meningkatkan dan mempromosikan orkestra Cina di Pulau Pinang, Penang State Chinese Orchestra (PESCO) telah ditubuhkan pada tahun 1998. Ia adalah satu-satunya orkestra Cina di Malaysia yang dibiayai kerajaan negeri¹⁰. Ia terdiri daripada seratus orang pemuzik yang terbaik yang telah dipilih daripada kesemua dua-belas buah orkestra Cina di Pulau Pinang¹¹. Konduktor dari orkestra lain akan bergilir-gilir mengetuai dan melatih orkestra ini. Seperti DA MA, PESCO juga bermain muzik yang digubah komposer kontemporari seperti Gu Guanren, Sui Wenbing dan Peng Xiuwen, maka yang lebih sukar dan mencabar. Jika dibandingkan dengan persembahan daripada kumpulan kebudayaan amatour, program PESCO adalah lebih formal, dan lebih teliti dari segi teknik dan kualiti muzik. Muzik yang dimainkannya termasuk repertoire tradisi Han yang telah diubahsuai untuk orkestra Cina, dan gubahan baru yang menggabungkan ciri-ciri muzik dari golongan minoriti di China dengan ciri-ciri asing yang diimport. Dari segi struktur dan teknik, kebanyakan gubahan ini adalah lebih sukar, dan dari segi stail pula ia beraneka ragam, maka berbeza daripada gubahan yang dimainkan kumpulan amatour. Pemuzik PESCO juga mempunyai kostum khas yang dijahit. Oleh kerana khalayak orkestra PESCO lazimnya terdiri daripada orang kenamaan dari kerajaan negeri, golongan kelas atasan dan pertengahan Cina yang tidak berbahasa Cina, semua pengumuman dan program telah ditulis dalam bahasa Cina dan Melayu (Foto 1 dan Rajah 3).



FOTO 1. Muka surat depan dari program *Penang State Chinese Orchestra* (PESCO)

節目表 PROGRAM

PERSEMBAHAN KUMPULAN 合奏

- | | |
|------------------------------------|--|
| 1. Kejayaan
凱旋 | Yan Hui Chang
閔惠昌曲 |
| 2. Tebing Sungai Yi-Li
伊犁河畔 | He Zhanhao
何占豪曲 |
| 3. Youth Piano Concerto
青年鋼琴協奏曲 | Liu Sigun, Sun Yiling,
Pan Yiming, Huang Xiaofei
刘诗昆, 孙亦林,
潘鸣, 黄晓飞曲 |

REHAT 休息

- | | |
|---|--|
| 4. Pengembaraan Keliling Dunia
我把世界來周游 | arr. Gu Guanren
顾冠仁改編 |
| 5. Tarian Benang
弦子舞曲 | arr. Gu Guanren
顾冠仁曲 |
| 6. Getaran Jiwa | P. Ramlee
(arr. Qu Chunquan)
P. Ramlee 瞿春泉改編 |
| 7. Kampung Air
水乡欢歌 | Sui Wenbing
水文彬曲 |
| 8. Tuaian Bernas
丰收锣鼓 | Peng Xiuwen
(arr. Chai Huiquan)
彭修文, 蔡惠泉曲 |

鋼琴：魏玉文 Pianist : Gnai Yoke Boon

指揮：林順有 Conductor : Lim Soon Oo

RAJAH 3. Program konsert PESCO

Kumpulan kebudayaan Cina yang menekankan aspek profesionalisme dalam persembahannya tahu bahawa untuk menarik lebih ramai penonton (terutamanya dari kelas atasan dan pertengahan), mereka perlu kurangkan pergantungan pada China dan Hong Kong untuk muzik baru. Walaupun repertoire orkestra Cina itu berasaskan gaya kontemporari muzik China, kini lebih banyak muzik tempatan telah dihasilkan dan dicipta. Menurut ketua DA MA, Khaw Seng Chew, dengan hanya bermain gubahan muzik dari Cina, identiti orang Cina Malaysia akan hilang. Kami perlu menjana dan menghasilkan teknik dan muzik sendiri (*Star* 4 Mei, 26 Sept. 1994). Kumpulan DA MA telah ‘meneroka’ ke luar sempadan muzik Cina dengan percubaan mereka bersama pemuzik Western Chamber (Penang Trio), pemuzik India klasik yang juga pemain tabla (Samuel Dass), pemuzik gambus Melayu dari Panggung Negara di Kuala Lumpur, dan pemuzik jazz fusion tempatan dan asing (Lewis Pragasam dan John Kaizan Neptune). DA MA juga telah diangkat

komposer tempatan untuk menggubah muzik (*NST* 14 Julai 1994, *Star* 22 Julai 1994). Orkestra Cina yang lain bermain lagu rakyat orang Melayu seperti *Inang Cina*, *Burung Kakak Tua*, *Joget Anak Undang*, *Usik*, dan *Potong Padi*. *Potong Padi* telah menggabungkan alat muzik kompang Melayu dan alat muzik Cina. Lagu-lagu Melayu yang popular sekitar tahun 1950-an dan 1960-an seperti *Getaran Jiwa* yang dinyanyikan P. Ramlee juga telah diubahsuai untuk orkestra Cina.

KESIMPULAN

Walaupun *huayue tuan* menghadapi ancaman daripada kebudayaan video dan pop dari Hong Kong dan Taiwan, dan masalah dalaman seperti kekurangan konduktor yang mahir, dan bilangan keahlian yang rendah, ia masih bertahan kerana ia boleh mengadaptasi diri kepada situasi muzik tempatan di Malaysia. Pada mulanya pada tahun 1960-an, *Huayue tuan* beroperasi dengan alat muzik baru yang diperkenalkan ke dalam kumpulan muzik daerah yang kecil. Perubahan berlaku setelah pemuzik Cina Malaysia menerima pendidikan di Hong Kong dengan dipengaruhi bunyi baru orkestra Cina moden. Bermula pada tahun 1970-an, *huayue tuan* telah menjadi popular di kalangan orang Cina yang berbahasa Mandarin. Pada akhir tahun 1970-an dan 1980-an, kesedaran etnik yang dibangkitkan NEP dan dasar lain (terutamanya Dasar Kebudayaan Kebangsaan), telah mengakibatkan banyak kumpulan kebudayaan mula bergabung dengan tumpuan diberikan kepada keistimewaan budaya tradisi sebagai lambang etnik yang tersendiri. Dengan itu, terbangkitlah minat kepada pelbagai jenis seni Cina, termasuk *huayue tuan*.

Tidak seperti tradisi muzik klasikal di Barat, *huayue tuan* dimainkan pemuzik amatir dan disaksikan khalayak daripada golongan kelas buruh atau pekerja industri, dan bukannya orang daripada kelas atasan. Kini, kebanyakan kumpulan muzik tradisional ini diurus sebagai sebahagian daripada persatuan kebudayaan Cina. *Huayue tuan* adalah tempat untuk remaja didikan sekolah Cina bercampur gaul, bermain muzik dan mempelajari kemahiran baru. Persembahan adalah kasual kerana penonton dari pekerja buruh tidak mengharapkan persembahan yang hebat dengan harga tiket yang murah. Mereka datang sebagai tanda sokongan kepada usaha remaja, selain untuk memberi sumbangan kepada projek kebajikan sosial dan tabung pembangunan hospital dan sekolah.

Huayue tuan telah menjadi lebih popular pada awal abad ke-21. Kumpulan kebudayaan Cina telah cuba menaikkan taraf dan memperbaiki pakej persembahannya untuk menarik minat penonton dari segenap lapisan masyarakat, termasuk orang Cina yang berpendidikan Inggeris dan orang bukan Cina dari kelas atasan dan pertengahan, selain pelancong asing. Tidak seperti produksi amatir, persembahan kumpulan itu memfokus kepada profesionalisme, kualiti teknikal, kemahiran memainkan alat muzik dan kualiti persembahan, gubahan lagu tempatan yang baru, dan keupayaan untuk membangkitkan rasa nostalgia. *Huayue tuan* menjadi popular di kalangan orang yang berpendidikan Inggeris

daripada kelas pertengahan dan pelancong asing kerana ciri-ciri muzik Barat dan Cina telah digabungkan. Khalayak yang telah biasa dengan format orkestra Barat, gubahan lagu stail konsert dan harmoni boleh menghubungkan diri mereka dengan orkestra Cina.

Fakta lain yang perlu dipertimbangkan ialah banyak persembahan seni tradisi disaksikan penonton daripada kelas atasan dan/atau dibiayai dan digalakkan oleh kerajaan. Seni tradisi ini telah dibangkitkan semula sebagai cabang seni yang unggul dan jika dibandingkan dengan masa dahulu, ia pastinya tidak kelihatan sehebat sekarang. Pertunjukan dan persembahan seni yang telah diberi nafas baru itu kerap diadakan bagi mempromosikan industri pelancongan selain menyerikan lagi majlis rasmi negeri. *Huayue tuan* pasti akan terus berkembang selagi ia dapat diadaptasikan untuk ditukarkan kepada seni pertunjukan.

Universiti Sains Malaysia, Penang Penang, Malaysia

GLOSARI

banhu	板胡	maling	马铃
bangzi	梆子	pipa	琵琶
beida gehu	倍大革胡	minzu yuedui	民族乐队
bo	钹	muyu	木鱼
difang yinyue	地方音乐	ruan	阮
dizi	笛子	sanxian	三弦
erhu	二胡	sheng	笙
gaohu	高胡	shimian luo	十面锣
gehu	革胡	shuangyin mu	双音木
gu	鼓	suona / sona	唢呐
guoyue tuan	国乐团	xiao	箫
guzheng	古筝	yangqin	扬琴
huangse wenhua	黄色文化	yueqin	月琴
huayue tuan	华乐团	zhonghu	中胡
jiankang wenhua	健康文化	zhongyue tuan	中乐团
ling	铃		
liuqin	柳琴		
luo	锣		

NOTA HUJUNG

- ¹ Kertas ini adalah berdasarkan kajian lapangan peribadi antara tahun 1980-an dan 1990-an. Pada tahun 1980-an, saya telah menyertai Penang Philharmonic Chinese Orchestra dan mengadakan temu bual dengan pemuzik berikut: Khaw Guan Liang, penasihat kepada Chinese Orchestra dan konduktor koir Philharmonic Society di Pulau Pinang; Lee Soo Sheng, naib-presiden Keat Hwa Association dan konduktor kepada Dejiao Hui Chinese Orchestra di Alor Star; Leow Kooi Hua, ahli Philharmonic Chinese Orchestra di Pulau Pinang; Ng Su Kung, konduktor Jit Sin Old Boys' Association Chinese Orchestra di Butterworth, Pulau Pinang; Saw Yeong Chin, konduktor Philharmonic Chinese Orchestra di Pulau Pinang; Tan Yeow Teik, ahli Hui Yin Se Chinese Orchestra di Pulau Pinang; ahli jawatankuasa Pei Fong Old Boys' Association di Melaka; dan Tung Gark Hong, pengajar vokal di Philharmonic Society, Pulau Pinang. Pada tahun 1990-an, saya terus memerhatikan perkembangan *huayue tuan* dengan mengunjungi persembahan dan bergaul rapat dengan konduktor seperti Lai Ah Lai, Lim Soon Oo dan Khor Seng Chew. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada semua pemuzik yang telah saya temu bual dan kepada Chieu Kieok yang telah membantu saya di beberapa sesi temu bual tersebut.
- ² Untuk sejarah orkestra moden Cina di China dan deskripsi alat-alat muzik, sila rujuk Han 1979: 14-20 dan Han 1980: 10-31. Han mendapati orkestra moden Cina telah ditubuhkan di Nanking berasaskan kumpulan muzik tradisi *jiangnan sizhu*. Rujuk Wong 1997: 74-75 untuk perbincangan tentang pemodenan muzik tradisi Cina selepas May Fourth Movement.
- ³ Ramai pemuzik Cina Malaysia telah mempelajari muzik di Hong Kong, kerana muzik Cina tidak ditawarkan sebagai kursus di universiti tempatan.
- ⁴ Temu bual diadakan pada tahun 1980-an ketika penyelidik menjadi ahli *huayue tuan*. Matlamat dan fungsi sosial persatuan masih penting di sekitar tahun 1990-an.
- ⁵ Matlamat NEP ialah untuk membasmi kemiskinan melalui peningkatan pendapatan dan peluang pekerjaan untuk semua warga negara Malaysia, tidak kira bangsa; dan mencepatkan proses ubah-suai struktur masyarakat Malaysia untuk membetulkan ketidakseimbangan ekonomi dan menggantikan identiti bangsa dengan fungsi ekonomi (Malaysia 1971). Penekanan adalah ke atas pembinaan komuniti komersial dan industri Melayu melalui hak istimewa dalam bentuk lesen perniagaan, wang pinjaman, biasiswa, pekerjaan, kemasukan universiti dan lain-lain, supaya orang Melayu dan kaum lain yang berstatus bumiputera akan menjadi lebih aktif dari segi menyumbang ke arah ekonomi negara.
- ⁶ Rujuk pada Tan (1998) untuk perbincangan tentang perayaan *Hungry Ghost* Cina yang berlangsung setiap bulan tujuh, *Phor Tor*, dan bagaimana kedua-duanya telah menjadi lambang etnik masyarakat Cina. Perayaan itu selama sebulan dengan persembahan bangsawan dipentaskan setiap malam di pelbagai lokasi. Wang akan dipungut untuk pembinaan sekolah bahasa Cina. Pada tahun 1970-an dan 1980-an, bilangan persembahan bangsawan pentas dan lokasi perayaannya telah meningkat dengan mendadak.
- ⁷ Ronggeng adalah tarian sosial orang Melayu bersempena majlis perkahwinan dan upacara sosial yang lain. Tarian ini sangat digemari orang Melayu dan Baba dan Nyonya di Melaka dan Pulau Pinang. Baba dan Nyonya adalah kumpulan kecil yang terdiri daripada orang Cina yang telah menerima kebudayaan Melayu. Bahasa yang

dituturkan Baba dan Nyonya adalah versi bahasa Melayu yang lain, dengan pakaian, masakan dan muzik mereka berasaskan budaya Melayu. Baba dan Nyonya tidak bermain muzik Cina. Kumpulan muzik Baba dan Nyonya adalah ‘dondang sayang’ dan ‘wayang peranakan’ (Tan 1993).

- ⁸ NEP telah diganti NDP (New Development Policy) pada tahun 1991 untuk mengurangkan fokus terhadap pembahagian di kalangan kaum yang menjadi matlamat NEP. Penekanan ekuiti korporat 30 peratus untuk bumiputera juga diringkaskan. Tumpuannya adalah kemajuan komuniti komersial dan industri bumiputera yang aktif, melalui sektor swasta yang perlu menukar matlamatnya.
- ⁹ Peperiksaan alat muzik Cina adalah perkembangan baru pada tahun 1990-an. Kebanyakan pelajar muzik bergantung pada kelas muzik persendirian untuk mendapat kemahiran tentang alat muzik Barat yang spesifik. Peperiksaan muzik yang diambil termasuk yang dianjurkan perbadanan asing seperti Associated Board of the Royal Schools of Music (London), Trinity College of Music (London), Australian Music Exam Board dan Yamaha Foundation of Japan. Sejak 1952, badan-badan itu telah mengadakan peperiksaan muzik, sijil dan diploma di bidang persembahan dan pendidikan muzik Barat.
- ¹⁰ Kebanyakan penduduk Pulau Pinang adalah orang Cina. Negeri itu juga diketuai menteri berbangsa Cina.
- ¹¹ Kumpulan ini diuruskan persatuan dan sekolah berikut dari Pulau Pinang: Hui Yin Seh, Chong Yee Chinese Music Centre, Jit Sin Secondary School (lihat Foto 2), Jit Sin Private School, Chung Ling Secondary School, Chung Ling Private School, Penang Chinese Girls’ High School, Union Secondary School, Heng Ee Secondary School, Chung Hwa Confucian School, dan Phor Tay High School.



FOTO 2. *String Ensemble, Jit Sin Secondary School, Bukit Mertajam*

RUJUKAN

- Chua Soo Pong. 1984. Creative Process of Chinese Theatre Dance in Singapore, 1946-1976. *Journal of South Seas Society* 39/1-2: 89-99.
- Department of Statistics, Malaysia. 1993. *1991 Population and Housing Census of Malaysia*, Kuala Lumpur.
- Han Kuo Huang . 1979. The Modern Chinese Orchestra: Introductory Notes. *Asian Music* 11/2:1-43.
- _____. 1980. Evolution and Revolution in Chinese Music: 10-31. IN Elizabeth May (ed), *Music of Many Cultures: an Introduction*, University of California Press:
- Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS). 1973. *Asas Kebudayaan Kebangsaan*. Kuala Lumpur.
- Lau, Frederick. 1996a. Individuality and Political Discourse in Solo Dizi Compositions. *Asian Music* 27/1:133-152.
- _____. 1996b. Forever Red: the Invention of Solo Dizi Music in Post-1949 China. *British Journal of Ethnomusicology* 5:113-131.
- Malaysia. 1971. *Second Malaysia Plan, 1971-75*, Kuala Lumpur.
- McDougall, Bonnie. 1984. *Popular Chinese Literature and Performing Arts in the People's Republic of China, 1949-1979*. Berkeley: University of California Press.
- Tan Sooi Beng. 1983. Alat-alat Orkestra Cina Modem Malaysia: Satu Pengenalan. *Masa kini* 1/4: 15-37.
- _____. 1988. The Phor Tor Festival in Penang: Deities, Ghosts and Chinese Ethnicity. *Working Paper 51*, The Centre of Southeast Asian Studies, Monash University.
- _____. 1993. *Bangsawan: a Social and Stylistic History of Popular Malay Opera*. Singapore: Oxford University Press.
- Wong, Isabel, K. F. 1997. The Music of China: 69-103. IN Philip V. Bohlman (ed). *Excursions in World Music*, New Jersey: Prentice Hall.
- Witzleben, J. Lawrence. 1995. *Silk and Bamboo Music in Shanghai in The Jiangnan Sizhu Instrumental Ensemble Tradition*. Kent: The Kent State University Press.
- Zhang, Boyu . 1998. Chinese Traditional Music in the Modern Changing Society. *Nordic Newsletter of Asian Studies* 4: 16-19.

Akhbar

- NST*, 14 July 1994.
- Star*, 6 August 1993, 4 May 1994, 22 July 1994, 26 September 1994, 31 July 1998, 4 October 1998.
- Straits Echo*, 16 March 1935, 13 November 1936.

(Rencana asal ini adalah dalam bahasa Inggeris dengan judul *The Huayue Tuan (Chinese Orchestra) in Malaysia: Adapting to Survive* dan sudah diterbitkan dalam jurnal *Asian Music*, 31: 2 (2000): 107-128)

Penterjemah: Luqman Lee
 Pensyarah
 Universiti Tunku Abdul Rahman
 No 3, Jalan 13/6,
 46200 Petaling Jaya

e-mel: luqmanl@utar.edu.my